

فُندُوا مَغْرِبًا صَلَاةَ خَاصَّةٍ

---

**PANDUAN MENGERJAKAN  
SOLAT KHAS**

---

## SOLAT MUSAFIR

**1. SOLAT JAMAK**

Menghimpunkan dua solat fardhu ke dalam satu waktu solat. Solat yang boleh dijamakkan ialah:

- i. Zohor dengan Asar, dan
- ii. Maghrib dengan Isyak.

Solat Jamak terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :

**Jamak Takdim**

- i. Solat Fardhu Zohor dihimpunkan bersama Solat Fardhu Asar dalam waktu Zohor. Solat Fardhu Maghrib dihimpunkan bersama Solat Fardhu Isyak dalam waktu Maghrib.
- ii. Syarat Sah Jamak Takdim ialah :
  - a. Hendaklah dikerjakan dengan tertib iaitu mendahulukan solat fardhu yang pertama diikuti solat fardhu yang kedua. Contohnya, solat Fardhu Maghrib kemudian diikuti dengan solat Fardhu Isyak.
  - b. Berniat menjamakkan solat ketika mengerjakan solat fardhu yang pertama.
  - c. Mengerjakan kedua-dua solat secara berturut-turut tanpa diselangi dengan solat sunat atau lain-lain perbuatan kecuali mengambil wuduk.

**Jamak Ta'khir**

- i. Solat Fardhu Zohor dihimpunkan bersama Solat Fardhu Asar dalam waktu Asar. Solat Fardhu Maghrib dihimpunkan bersama Solat Fardhu Isyak dalam waktu Isyak.
- ii. Syarat Sah Jamak Takhir ialah :
  - a. Berniat dalam waktu solat fardhu yang pertama untuk menangguhkan solat fardhu yang pertama tersebut ke dalam solat fardhu waktu kedua.
  - b. Masih bermusafir sehingga selesai melaksanakan kedua-dua solat.

### iii. Nota tambahan

- a. Mengerjakan Jamak Ta'khir tidak perlu mendahulukan solat fardhu yang pertama, iaitu boleh mengerjakan solat fardhu kedua terlebih dahulu.
- b. Jarak antara dua solat fardhu dalam Jamak Ta'khir tidak semestinya berturut-turut, iaitu boleh diselangi dengan masa yang panjang.
- c. Para Musafir yang tidak mengetahui syarat sah solat jamak ini hendaklah mengerjakan solat pada setiap waktu solat fardhu tersebut.

## 2. SOLAT QASAR

Memendekkan solat yang empat rakaat menjadi dua rakaat. Oleh itu, solat yang boleh diqasarkan ialah Zohor, Asar dan Isyak sahaja.

### i. Syarat Sah Solat Qasar ialah :

- a. Mengetahui tempat yang hendak dituju dan perjalanan tersebut bukan kerana maksiat.
- b. Perjalanan itu melebihi 2 marhalah iaitu 60 batu / 96.6 km
- c. Berniat solat qasar ketika takbiratul ihram.
- d. Tidak boleh mengikut imam yang sedang solat sempurna.
- e. Boleh berniat solat qasar ketika mengqada'kan solat-solat yang ditinggalkan semasa musafir.
- f. Masih berada dalam musafir hingga selesai solatnya

## ii. Nota Tambahan

- a. Orang yang mengerjakan solat sempurna boleh berimamkan orang yang solat qasar.
- b. Para musafir yang tidak mengetahui syarat sah solat qasar, maka ia wajib mengerjakan solat yang sempurna sepanjang bermusafir

## Cara Mengerjakan Solat Musafir

### 1. SOLAT QASAR

- i. **Lafaz Niat Solat Qasar** (Contoh: Solat Zohor)

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

*“Sahaja aku solat Fardhu Zohor dua rakaat qasar kerana Allah Taala.”*

### 2. SOLAT JAMAK

Para Musafir boleh melakukan di antara satu yang berikut:

- i. Menjamakkan dua solat fardhu tanpa diqasarkan  
Kedua-dua solat fardhu dikerjakan dengan jumlah rakaat yang sempurna.
- ii. Menjamakkan dua solat fardhu dan diqasarkan.  
Kedua-dua solat dikerjakan sebanyak 2 rakaat kecuali bagi solat Maghrib.

### 3. JAMAK DAN QASAR (Jamak Takdim)

#### i. Lafaz niat Solat Fardhu Zohor dan Solat Fardhu Asar

Berniat mengerjakan solat Fardhu Zohor seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Zohor dua rakaat jamak takdim serta qasar kerana Allah Taala.”

Sejurus selepas memberi salam, berdiri semula dan berniat untuk mengerjakan solat Fardhu Asar seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ العَصْرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Asar dua rakaat jamak takdim serta qasar kerana Allah Taala.”

#### ii. Lafaz niat Solat Fardhu Maghrib dan Solat Fardhu Isyak

Berniat mengerjakan solat Fardhu Maghrib seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ المَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Maghrib tiga rakaat jamak takdim kerana Allah Taala.”

Sejurus selepas memberi salam, berdiri semula dan berniat untuk mengerjakan solat Fardhu Isyak seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Isyak dua rakaat jamak takdim serta qasar kerana Allah Taala.”

#### 4. JAMAK DAN QASAR (Jamak Ta'khir)

##### i. Lafaz niat Solat Fardhu Zohor dan Solat Fardhu Asar

Berniat mengerjakan solat Fardhu Zohor seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Zohor dua rakaat jamak ta'khir serta qasar kerana Allah Taala.”

Sejurus selepas memberi salam, berdiri semula dan berniat mengerjakan solat Fardhu Asar seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Asar dua rakaat jamak ta'khir serta qasar kerana Allah Taala.”

##### ii. Lafaz niat Solat Fardhu Maghrib dan Solat Fardhu Isyak

Berniat mengerjakan solat Fardhu Maghrib seperti berikut:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Maghrib tiga rakaat jamak ta'khir kerana Allah Taala.”

Sejurus selepas memberi salam, berdiri semula dan berniat mengerjakan solat Fardhu Isyak seperti berikut:

أُصَلِّي فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku solat Fardhu Isyak dua rakaat jamak ta'khir serta qasar kerana Allah Taala.”

## SOLAT KETIKA SAKIT

وَقَوْلُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعِمْرَانَ بْنِ حَصِينٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا وَكَانَ مَرِيضًا: صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَا عِدًّا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ .

Sabda Rasulullah SAW kepada ‘Imran bin Hasin r.a ketika sedang sakit;

“Solat lah dengan cara berdiri, jika tidak berdaya maka duduk lah, andai masih tidak berdaya (solat lah) di atas rusuk (mengiring)....” Riwayat Bukhari

### 1. SOLAT DUDUK

- i. Keadaan duduk adalah seperti tahiyat awal atau duduk antara dua sujud dan mengadap kiblat
- ii. Niat, takbir, sujud, duduk tahiyat awal dan tahiyat akhir adalah sama seperti solat biasa.



- iii. Rukuk dilakukan dengan menundukkan kepala sehingga kedudukannya bertentangan dengan tempat sujud
- iv. Iktidal pula dilakukan dengan mengangkat kepala tegak semula sujud seperti biasa. Namun, jika tidak termampu, bolehlah dengan menundukkan kepala rendah sedikit daripada tunduk ketika rukuk.

## **2. SOLAT BARING MENGIRING**

- i. Mengiring di atas rusuk kanan muka dan dada mengadap kiblat
- ii. Rukuk dan sujud dilakukan dengan cara menunjukkan isyarat kepala.
- iii. Tundukkan kepala semasa rukuk, sementara sujud dilakukan dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada ketika rukuk.
- iv. Jika tidak termampu, bolehlah menggunakan isyarat kelopak mata bagi rukuk, manakala sujud dengan isyarat menutup mata.

## **3. SOLAT BARING TERLENTANG**

- i. Baring melintang dan kakinya diluruskan ke arah kiblat. Tinggikan sedikit kepala dengan menggunakan bantal (atau seumpamanya) supaya muka mengadap kiblat
- ii. Rukuk dan sujud dengan isyarat kelopak mata seperti dalam suasana solat mengiring di atas.
- iii. Jika tidak berdaya, bolehlah rukuk dan sujud dengan cara lintasan (niat) di hati dengan mengingati setiap perbuatan dalam solat.
- iv. Tangan diangkat seperti biasa ketika takbir. Jika tidak berdaya, memadai dengan ucapan Allahu Akbar sahaja.



Solat Jenazah ialah solat ke atas jenazah yang sudah siap dimandi dan dikapankan sebelum ditanam. Sembahyang jenazah merupakan fardhu kifayah, ianya dilakukan hanya dengan 4 takbir dan satu salam.

### 1. Lafaz Niat Solat Jenazah;

#### i. Bagi jenazah lelaki

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

*“Aku solat atas mayat ini empat takbir fardu kifayah menjadi makmum kerana Allah taala”*

#### ii. Bagi jenazah perempuan

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

*“Aku solat atas mayat ini empat takbir fardu kifayah menjadi makmum kerana Allah taala”*

### 2. Selepas Takbir Pertama dibaca : Al-Fatihah

### 3. Selepas Takbir Kedua dibaca :

- i. Selawat atas Nabi Muhammad SAW iaitu sekurang-kurangnya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ

“Ya Allah, berikanlah selawat atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarga baginda”

- ii. Atau Selawat Ibrahimiah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ .

“Ya Allah, berikanlah selawat atas Nabi dan atas Keluarganya, sebagaimana Engkau pernah memberi rahmat kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Dan limpahilah berkat atas Nabi Muhammad dan para keluarganya, sebagaimana Engkau pernah memberikan berkat kepada Nabi Ibrahim dan para keluarganya, di seluruh alam ini, sesungguhnya Engkau Yang Terpuji lagi Yang Maha Mulia»

3. Selepas Takbir Ketiga dibaca:

i. Doa yang agak ringkas iaitu:

a. Bagi jenazah Lelaki

• اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

*“Ya Allah ampunilah dia, kasihanilah dia, sejahterakanlah dia dan ampunilah dosa dan kesalahannya”*

a. Bagi jenazah Perempuan

• اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

*“Ya Allah ampunilah dia, kasihanilah dia, sejahterakanlah dia dan ampunilah dosa dan kesalahannya”*

ii. Atau pun dengan Doa yang lengkap;

a. Bagi jenazah Lelaki

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ • وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ  
مَدْخَلَهُ وَأَغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالسَّلْجِ وَالْبَرْدِ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا  
يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا  
خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ

*“Ya Allah ampunilah dia, kasihanilah dia, sejahterakanlah dia dan ampunilah dosa dan kesalahannya, hormatilah kedatangannya, dan luaskanlah tempat tinggalnya, bersihkanlah dia dengan air salji dan embun. Bersihkanlah dia daripada segala dosa sebagaimana kain putih yang bersih daripada segala kotoran, dan gantikanlah baginya rumah yang lebih baik daripada rumah yang dahulu, dan gantikanlah baginya ahli keluarga yang lebih baik daripada ahli keluarganya yang dahulu, dan peliharalah (hindarkanlah) dia daripada seksa kubur, dan azab api neraka.*

#### b. Bagi jenazah Perempuan

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا • وَأَكْرِمْ نُزُلَهَا وَوَسِّعْ  
مَدْخَلَهَا وَأَغْسِلْهَا بِالمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالبَرْدِ وَنَقِّهَا مِنَ الخَطَايَا كَمَا  
يُنَقَّى الثَّوْبُ الأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا  
وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهَا وَقَهَا فِتْنَةَ القَبْرِ  
وَعَذَابَ النَّارِ •

*“Ya Allah ampunilah dia, kasihanilah dia, sejahterakanlah dia dan ampunilah dosa dan kesalahannya, hormatilah kedatangannya, dan luaskanlah tempat tinggalnya, bersihkanlah dia dengan air salji dan embun. Bersihkanlah dia daripada segala dosa sebagaimana kain putih yang bersih daripada segala kotoran, dan gantikanlah baginya rumah yang lebih baik daripada rumah yang dahulu, dan gantikanlah baginya ahli keluarga yang lebih baik daripada ahli keluarganya yang dahulu, dan peliharalah (hindarkanlah) dia daripada seksa kubur, dan azab api neraka.*

c. Jika jenazah Kanak-Kanak dibaca doa ini:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرَطًا لِأَبَوَيْهِ وَسَلْفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَأَعْتِبَارًا وَشَفِيعًا  
وَتَقَدَّرَ بِهِ مَوَازِينُهُمَا وَافْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تَفْتِنَهُمَا  
بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ.

*“Ya Allah, jadikanlah dia sebagai sompanan pendahuluan bagi ayah bondanya dan sebagai taruhan (amanah), kebajikan yang didahulukan, dan menjadi pengajaran serta syafaat bagi orang tuanya. Dan beratkanlah timbangan kedua ibu bapanya, serta berikanlah kesabaran dalam hati kedua ibu bapanya. Dan janganlah menjadikan fitnah bagi ayah bondanya sepeninggalannya, dan janganlah Engkau menghalang pahala kepada kedua orang tuanya.”*

4. Selepas Takbir yang Keempat dibaca doa ini:

i. Doa Ringkas

a. Bagi jenazah Lelaki

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَأَغْفِرْ لَنَا وَلَهُ.

b. Bagi jenazah Perempuan

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهَا وَأَغْفِرْ لَنَا وَلَهَا.

*“Ya Allah, janganlah kiranya pahalanya tidak sampai kepada kami (jangan Engkau melupakan kami akan pahalanya) dan janganlah Engkau memberi fitnah sepeninggalannya, dan ampunilah kami dan dia.»*

ii. Atau doa yang lebih sempurna seperti berikut :

a. Bagi jenazah Lelaki

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَأَغْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَإِخْوَانِنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا  
رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ •

b. Bagi jenazah Perempuan

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهَا وَأَغْفِرْ لَنَا وَلِهَا وَإِخْوَانِنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا  
رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ •

*Ya Allah, janganlah kiranya pahalanya tidak sampai kepada kami, dan janganlah Engkau memberi fitnah sepeninggalannya dan ampunilah kami dan dia, dan bagi saudara-saudara kami yang mendahului kami dengan iman, dan janganlah Engkau menjadi resah gelisah dalam hati kami dan bagi orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang»*

5. Memberi salam sebagaimana dalam solat fardhu

Solat dalam kenderaan dilakukan dengan cara yang agak khusus disebabkan keterbatasan ruang. Walau apa pun keadaan, solat masih tetap wajib didirikan.

### **Cara-cara mengerjakan solat**

1. Duduk dengan menegakkan badan di tempat duduk dalam kenderaan.
2. Menghadap ke arah kiblat dengan berpandukan kompas atau kaedah yang sesuai walaupun tidak semestinya tepat. Memadai juga jika kita meyakini arah kiblat itu hanya pada awal solat sahaja ketika takbitarul ihram.
3. Niatkan solat yang hendak kita tunaikan itu ketika takbiratul ihram
4. Bacaan surah dalam solat adalah sama seperti solat biasa
5. Rukuk hendaklah dilakukan dengan isyarat iaitu dengan menundukkan sedikit kepala serta badan dan kedua tangan diletakkan pada lutut
6. Sujud pula dilakukan dengan menundukkan kepala dan badan terkebawah sedikit dari isyarat rukuk.
7. Duduk antara dua sujud, duduk tahiyat awal dan akhir masih kekal seperti biasa dengan duduk di kerusi kenderaan.
8. Kita tidak perlu mengubah tempat duduk untuk membetulkan arah kiblat jika kenderaan yang kita naiki itu sering bertukat arah.



فُندُوا مَغْرِبًا صَلَاةَ سُنَّةٍ

---

**PANDUAN MENGERJAKAN  
SOLAT SUNAT**

---